# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A1170

### AKTA SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2002

Tarikh Persetujuan Diraja ... ... 24 Julai 2002

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 8 Ogos 2002

**Hakcipta Pencetak** Ⓗ

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A1170

## AKTA SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2002

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[1st January 2002 [See S. 1 ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2002.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2002.

### Pindaan seksyen 11A

**2.** Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 11A dengan memotong perenggan (1)*(a)*.

### Pindaan seksyen 11C

**3.** Seksyen 11C Akta ibu dipinda—

*(a)* dalam perenggan (1)*(a)*, dengan memotong perkataan ", manakala terus tak berkahwin"; dan

*(b)* dalam subseksyen (3), dengan memotong perenggan *(a)*.